



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

8 NOVEMBER 2023 (RABU)

Tubuh Pasukan Khas Atasi Isu Pencemaran Ladang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	7 Nov



WAN SAIFUL Wan Jan menunjukkan antara hasil tinjauan dilakukan pihaknya berhubung operasi ladang babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang semalam. - Pic: IQBAL HAMDAN

TASEK GELUGOR: Kerajaan Negeri Pulau Pinang digesa segera menubuhkan 'task force' bagi memuktamadkan isu pencemaran berkaitan ladang babi yang menghantui penduduk Kampung Selamat sejak lebih 40 tahun lalu.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, pasukan khas yang dianggotai pelbagai jabatan dan agensi kerajaan itu mampu mengurangkan beban Jabatan Veterinar yang menjadi agensi tunggal dalam mengatasi masalah terbabit.

"Kalau wujudkan pasukan khas, libatkanlah pelbagai agensi lain supaya tidaklah Jabatan Veterinar sahaja yang menangani isu ini.

"Pencemaran di sini amat serius, kerana ia bukan setakat pencemaran bau sahaja, malah melibatkan sungai dan alam sekitar serta mengganggu keselesaan penduduk sekitar.

"Pendapatan nelayan juga terjejas, pengeluaran padi turut terkesan disebabkan pencemaran yang berlaku di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri sesi taklimat berhubung cadangan pembinaan loji biogas ladang babi di kawasan itu semalam.

Dalam pada itu, beliau berpandangan cadangan pembinaan loji biogas terbabit dikhuatiri akan lebih menimbulkan masalah di kampung terbabit.

Jelas beliau, ia susulan kapasiti loji biogas terbabit yang besar sekali gus lebih banyak sisa buangan babi diperlukan bagi membolehkannya beroperasi.

“Loji biogas ini dapat memproses sisa buangan 100,000 ekor babi sedangkan ternakan di sini hanya ada kira-kira 60,000 ekor babi.

“Kita khuatir sekiranya bahan buangan perlu diimport dari ladang lain dan menjadi ‘petanda’ untuk penternak menambah jumlah ternakan mereka sedangkan penduduk setempat mahu ia dikurangkan,” katanya.

Oktober lalu, media melaporkan kerajaan memandangkan serius pencemaran yang berpunca dari 64 ladang ternakan yang sehingga kini belum dapat diselesaikan.

Setakat 30 September lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang mengeluarkan 20 kompaun bernilai RM152,500 kepada pengusaha ladang yang gagal mematuhi Peraturan Pelesenan Penternakan Babi 2020.

Selain itu, sehingga 27 Oktober lalu, sebanyak 58 ladang ternakan berlesen dibenarkan beroperasi di kampung itu, dua ladang dalam proses penutupan dan empat diarahkan ditutup kerana tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016. -[UTUSAN](#)

Penghasilan Dedak Tempatan Kritikal Bagi Kurangkan Kos Operasi Ternakan Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	8 Nov



Foto fail BERNAMA

ALOR SETAR: Usaha penghasilan dedak tempatan dilihat semakin penting dalam mengurangkan kos operasi ladang ternakan, sekali gus mewujudkan harga ayam yang stabil di pasaran dan tidak membebankan pengguna pada masa depan.

Pakar Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Shazida Jan Mohd Khan, berkata isu harga ayam amat kritikal sekiranya berlaku kenaikan mendadak dalam bahan makanan ayam atau dedak terutama jagung dan kacang soya kerana

sebahagian besarnya diimport ekoran bekalan domestik terhad, susulan langkah apungan harga ayam.

Beliau berkata, sebelum pandemik COVID-19, harga sekampit dedak 50 kilogram hanya RM85, namun sekarang ia mencecah hingga RM135 kilogram, yang turut didorong faktor peperangan Ukraine dan Russia.

Selain makanan ternakan, Shazida Jan berkata, peladang turut menghadapi

pelbagai kos lain seperti ubat-ubatan dan penyelenggaraan reban, di samping kesukaran mendapatkan pekerja dalam bidang penternakan.

"Pengguna bimbang kemungkinan kenaikan harga akan berlaku akibat faktor-faktor ini. Justeru, perlu ada inisiatif yang bersungguh-sungguh dalam menghasilkan dedak tempatan dan mampu memenuhi keperluan penternak," katanya kepada Bernama.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebelum ini menyatakan kerajaan boleh melaksanakan langkah intervensi mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) bagi memastikan ayam dijual pada harga tidak membebankan rakyat, berikutan langkah penamatan subsidi dan kawalan harga ayam berkuat kuasa 1 November lalu.

Penamatan subsidi secara pukal itu bertujuan mengurangkan ketirisan subsidi yang turut dinikmati warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Mengulas lanjut, Shazida Jan berkata, pelaburan dalam

penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu bergerak segera dan mendapat sokongan padu kerajaan dalam mewujudkan ekosistem penciptaan dan penggunaan teknologi terkini bagi penghasilan dedak tempatan.

Beliau berkata, antara sumber yang boleh digunakan ialah isirung kelapa sawit yang berpotensi diproses dan dijadikan makanan haiwan ternakan.

Sementara itu, penternak yang juga pembekal ayam segar di Alor Setar, Mazlina Kamarudin berkata, peningkatan kos ternakan akibat harga anak ayam dan dedak yang tinggi akan menyebabkan bekalan ayam di pasaran berkurangan.

"Sebagai penternak kecil, saya pohon supaya kerajaan melihat kepada harga anak ayam dan dedak, ramai penternak kecil tak ada anak ayam dan dedak ... saya sendiri akan kurangkan (pembelian) anak ayam jika harga terlalu mahal, nak jaga perniagaan," katanya.

Mazlina juga berharap apungan harga ayam berterusan dan bukan hanya berlaku ketika bekalan ayam banyak di pasaran bagi mengurangkan kerugian ditanggung penternak.-

BHarian

Producing Local Chicken Feed Critical In Reducing Operating Cost - Expert

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NewStraitsTimes	Nation	Online	8 Nov



Producing local chicken feed is seen to be critical in reducing the operating costs of poultry farms and stabilising chicken prices in the market, says an expert.- NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

ALOR SETAR: Producing local chicken feed is seen to be critical in reducing the operating costs of poultry farms and stabilising chicken prices in the market, says an expert.

Universiti Utara Malaysia (UUM) economist Assoc Prof Dr Shazida Jan Mohd Khan said with the move to float the price of chicken, any sudden increase in the prices chicken feed, especially corn and soybeans which were mainly imported due to limited domestic supply, would greatly impact market prices.

She said before the COVID-19 pandemic, the price of a 50-kilogramme bag of feed was only RM85, but had now reached RM135, with the war between Ukraine and Russia also a contributing factor.

According to her, farmers also need to bear various other costs such as medication and farm maintenance, in addition to the difficulty of finding staff to man the farm.

"Consumers are worried about the possibility of price increases due to these

factors. Therefore, there needs to be a serious initiative to produce local feed and be able to meet the needs of farmers," she told Bernama.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) previously stated that the government might intervene through the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (AKHAP 2011) to ensure that chicken was sold at reasonable prices following the move to end subsidies and float the price of chicken effective Nov 1.

Ceasing the blanket subsidy was aimed at reducing leakages and preventing it from being exploited by undeserving parties.

Commenting further, Shazida Jan said there was an immediate need for investment in research and development (R&D) with solid support from the government to create an ecosystem for the creation and use of the latest technology for local feed production.

According to her, among the resources that can be used are palm kernels that can potentially be processed and used as livestock feed.

Meanwhile, a farmer who supplies fresh chicken in Alor

Setar, Kedah, Mazlina Kamarudin said the increase in the cost of poultry farming due to the high price of chicks and feed would cause a reduction in the supply of chicken in the market.

"As a small-scale breeder, I request that the government looks at the prices of chicks and feed, many small breeders do not have chicks and feed...I myself will reduce (the purchase of) chicks if the price is too expensive, to protect the business," she said.

Mazlina also hoped that the chicken price float would continue and not only be put in place when there was a lot of chicken supply in the market, in order to reduce the losses borne by farmers.-

[NST](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR